

21 JUN 1999

Tengku Razaleigh-Ulasan

KU LI PALING SESUAI KETUAI UMNO KELANTAN - KATA PEMIMPIN UMNO, BN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan disambut baik oleh pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) yang menyifatkannya sebagai tepat dalam usaha untuk memenangi semula negeri itu daripada PAS.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Tengku Razaleigh diharap dapat memimpin Umno Kelantan dan parti komponen BN di sana terutama bagi menghadapi pilihan raya akan datang kerana ia menjadi agenda terpenting bagi Umno dan BN.

"Tengku Razaleigh merupakan seorang anak Kelantan dan orang yang dah lama memimpin Umno Kelantan. Kemampuannya untuk memimpin Umno Kelantan tentunya memberi harapan kepada rakyat Kelantan untuk memberi sokongan kepada Umno dan membantu Umno memenangi pilihan raya akan datang," kata Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden.

Beliau ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan Pembangunan Luar Bandar di Bilik Gerakan Negara, Kompleks JPM di Putrajaya.

Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang dipegangnya selama 10 tahun itu kepada Tengku Razaleigh malam tadi. Pelantikan itu berkuatkuasa serta-merta.

Keputusan Perdana Menteri itu diumumkan ketika mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan itu di kediaman Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak turut menyifatkan pelantikan Tengku Razaleigh sebagai tepat dalam usaha untuk memenangi semula negeri itu daripada PAS.

"Kita sebagai anggota parti menerima pelantikan itu dan akan memberi segala kerjasama kepada Umno Kelantan kerana matlamat kita adalah untuk mencapai kemenangan," katanya selepas melancarkan program Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) "University On Air", di Petaling Jaya.

Matlamat memenangi kembali Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang berada di atas dari segala pertimbangan atau matlamat yang lain, katanya.

Najib, Menteri Pendidikan, berkata keputusan untuk melantik Pengerusi badan perhubungan negeri terletak di bawah budi bicara presiden parti.

"Saya yakin Dr Mahathir telah mengkaji segala aspek dan telah memikirkan Ku Li sebagai pemimpin yang amat sesuai untuk diberi kepercayaan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Negeri Kelantan," katanya.

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa menyifatkan pelantikan Tengku Razaleigh sebagai khabar gembira untuk seluruh rakyat Kelantan dan akan memperkuat lagi kedudukan parti bagi pilihan raya umum akan datang.

"Saya harap ini bukan berita gembira kepada anggota Umno tetapi harus menjadi berita gembira untuk seluruh rakyat Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Tabika Kemas, di Kampung Hilir, Serian, Sarawak.

Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata pelantikan Tengku Razaleigh menandakan pemimpin Umno terutama Dr Mahathir sudah melupakan sama-sekali perbezaan pendapat dan perpecahan demi kepentingan perpaduan dalam parti.

"Selagi politik Kelantan tidak sehaluan dengan politik nasional maka

Kelantan akan ketinggalan," kata beliau.

Annuar menyeru semua pihak supaya jangan memikirkan soal sentimen dan perasaan peribadi tetapi harus memikirkan untuk memperkuat lagi UMNO di Kelantan bagi memenangi semula negeri itu daripada PAS.

Anggota Majlis Tertinggi parti, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, yang melahirkan rasa gembira dengan pelantikan itu, berkata soal pecah-belah serta rasa tidak puas hati tidak sepatutnya wujud lagi di kalangan anggota Umno di Kelantan.

"Saya yakin seluruh anggota Umno dan bekas anggota parti Semangat 46, semuanya berasa gembira dan bersatu dengan pelantikan itu," katanya ketika ditemui selepas persidangan media mengenai galakan menjadikan Malaysia pusat beli-belah di Kuala Lumpur hari ini.

Abdul Kadir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata pelantikan itu juga memberi peluang kepada Barisan Nasional (BN) untuk mengambil alih Kelantan daripada Pas.

"Keputusan (pelantikan) itu cukup bijak dan sebaik-baik keputusan untuk membolehkan BN mengambil alih dari Pas di Kelantan dan memberi hidup baru kepada rakyat Kelantan," katanya.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata pelantikan Tengku Razaleigh itu adalah satu langkah yang tepat.

"Saya mempunyai keyakinan bahawa Tengku Razaleigh akan melaksanakan tugasnya dengan baik pada pilihan raya umum akan datang dan saya yakin Umno akan menawan semula Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus motivasi kakitangan Kementerian Kesihatan bagi Negeri Sembilan di Port Dickson hari ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor pula berkata peranan yang akan dimainkan oleh Tengku Razaleigh diyakini dapat memperkukuhkan perpaduan di kalangan anggota Umno.

"Pelantikan Tengku Razaleigh akan mengembalikan kedudukan mereka yang sebelum ini berbelah-bahagi ke dalam UMNO," katanya ketika dihubungi di Kota Bharu, hari ini.

Ahmad Shahibuddin berkata ekoran pelantikan Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang sudah dibubarkan, akan menyatupadukan bekas anggota S46 di bawah UMNO.

Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata pelantikan Tengku Razaleigh adalah tepat ketika UMNO Kelantan "dahagakan" seorang pemimpin yang boleh menyatupadukan dengan lebih berkesan anggota Umno khususnya dari bekas S46.

"Kita berterima kasih kepada Tengku Razaleigh kerana sedia menerima tanggungjawab yang berat untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Setiausaha Barisan Nasional (BN) Kelantan Datuk Ariffin Abdul Hamid berkata Tengku Razaleigh adalah "orang lama" dalam politik yang mampu memperkukuhkan parti termasuk menarik sokongan penuh dari anggota UMNO veteran dan bekas S46.

"Satu pelantikan yang wajar dalam menentukan kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang," katanya yang juga Setiausaha Jentera Pilihan Raya BN Kelantan.

Timbalan Pengerusi MCA Kelantan Leong Su Siang berkata MCA yakin dengan kepimpinan Tengku Razaleigh dan kesetiaannya terhadap UMNO, ia akan meningkatkan kembali imej UMNO dan BN di Kelantan.

"Saya menyokong penuh pelantikan Ku Li dan meminta semua kaum terutama masyarakat Cina menyokongnya... saya rasa di bawah kepimpinan Ku Li, UMNO dan BN akan lebih kuat," katanya.

Leong berkata pelantikan Tengku Razaleigh itu adalah satu penghormatan kepada rakyat Kelantan dan memberi peluang kepada mereka menentukan nasib selepas pilihan raya kelak.

Pengerusi MIC Kelantan M. Kuppusamy berkata, anggota MIC negeri ini menyokong penuh pelantikan Tengku Razaleigh dan berharap beliau dapat melakukan perubahan dalam arus pembangunan Kelantan selepas PAS gagal berbuat demikian.

-- BERNAMA

MNR BD NMO